

DATE : 05 JUNE 2017
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BISNES
HEADLINE : FBM KLCI DIJANGKA LEBIH KUKUH
CATEGORY : MENTION
MEASUREMENT : 107.8CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

FBM KLCI dijangka lebih kukuh

→ Sentimen baik, kestabilan ringgit pacu prestasi positif



Bursa Malaysia dijangka pada aliran meningkat minggu ini didorong oleh ringgit yang stabil dan sentimen baik di pasaran luaran, dengan pengumuman data ekonomi yang kukuh di Amerika Syarikat.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Runcit Affin Hwang Investment Bank, Datuk Dr Nazri Khan Adam Khan, berkata ringgit yang stabil pada RM4.28 berbanding dolar AS, adalah petanda yang baik bagi pasaran saham tempatan berikutan ia mencerminkan aliran masuk dana asing yang bertambah baik.

"Persekitaran di luar Malaysia turut positif dengan prestasi bursa

serantau yang kukuh, angka pekerjaan sektor swasta AS yang meyakinkan dan tanda peningkatan ekonomi global.

"Semua faktor ini akan membawa kepada keyakinan yang lebih tinggi dalam pendapatan korporat, sekali gus menyediakan rangsangan kepada Bursa Malaysia," katanya.

Beliau berkata purata saham Nikkei Jepun mencatatkan hampir tertinggi sejak pertengahan Ogos 2015, naik 1.6 peratus kepada 20,177.28 pada Jumaat.

Di peringkat dalam negara, Nazri Khan berkata pelan penggabungan antara RHB Bank Bhd dan AMMB Holdings Bhd akan menjadi pemangkin utama bagi sektor perbankan di Bursa Malaysia minggu ini dan dijangka mendorong FBM KLCI ke arah paras 1,800.

Sementara itu, Alliance-DBS Research berkata jangkauan pemu-

lihan pendapatan kekal kukuh dengan pendapatan suku pertama 2017 memuaskan, apabila 65 peratus daripada syarikat di bawah liputannya memenuhi jangkauan.

Katanya ekuiti tempatan kukuh pada Mei, bagaimanapun, berdasarkan asas yang bertambah baik dan risiko geopolitik luaran yang semakin berkurangan, memberi peluang kepada pelabur untuk memanfaatkan faktor tersebut.

"Kami terus memilih kitaran kepada saham defensif dan yang mempunyai pemangkin pertumbuhan pendapatan yang jelas.

"Pilihan saham bermodal besar kami adalah Maybank, Genting dan Gamuda. Antara saham bermodal kecil dan sederhana, kami memilih BMB, Sunway Construction, VS Industry, Serba Dinamik, Globetronics dan Yong Tai," kata Alliance-DBS Research.

Bagi asas mingguan, FBM KLCI meningkat 4.65 mata kepada 1,776.95, Indeks FBM Emas menokok 20.68 mata kepada 12,682.26 dan Indeks FBMT 100 menambah 30.97 mata kepada 12,325.33.

Bagaimanapun, Indeks FBM

Emas Syariah susut 30.11 mata kepada 12,894.35.

FBM 70 naik 33.21 mata kepada 15,178.71, bagaimanapun FBM Ace merosot 34.4 mata kepada 6,352.848.

Mengikuti sektor, Indeks Kewangan melonjak 204.01 mata kepada 16,703.87 dan Indeks Perusahaan naik 24.65 mata kepada 3,300.58.

Bagaimanapun, Indeks Perladangan jatuh 108.48 mata kepada 7,955.98. Jumlah dagangan mingguan merosot kepada 12.34 bilion unit bernilai RM14.01 bilion daripada 16.20 bilion unit bernilai RM14.43 bilion dicatatkan minggu lalu.

Jumlah dagangan Pasaran Utama susut kepada 8.55 bilion saham bernilai RM13.4 bilion daripada 10.45 bilion saham bernilai RM13.56 bilion.

Jumlah waran berkurangan kepada 1.24 bilion unit bernilai RM133.01 juta daripada 1.84 bilion unit bernilai RM239.50 juta.

Jumlah dagangan Pasaran ACE susut kepada 2.46 bilion unit bernilai RM457.36 juta daripada 3.85 bilion unit bernilai RM536.27 juta.

BERNAMA